

11 MAY 1996

Konvensyen-Reaksi

PANDANGAN MAHATHIR MENGENAI DEMOKRASI KUKUHKAN PERPADUAN/KEMAJUAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Teras ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai demokrasi diterima baik pelbagai pemimpin yang bersetuju perpaduan kaum dan kemajuan negara akan lebih kukuh menerusi demokrasi ala-Malaysia sendiri.

Mereka juga bersetuju bahawa pandangan Dr Mahathir itu akan membolehkan anggota Umno menggariskan haluan, bentuk dan corak pentadbiran politik parti pada masa akan datang selain menentukan kefahaman politik negara.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata Malaysia telah berjaya dalam mengadakan sendiri demokrasinya.

Katanya kerajaan sentiasa mempertahankan demokrasi menerusi kehendak rakyat dan tidak pernah wujud sebarang halangan dalam mengamalkan demokrasi dalam negara.

"Demokrasi berterusan diamalkan di negara ini menjadikan Malaysia negara demokratik paling popular di Asia Tenggara," katanya ketika mengulas ucapan Dr Mahathir ketika merasmikan Konvensyen Ulangtahun ke-50 UMNO di sini hari ini.

Samy Vellu berkata, perpaduan Melayu penting kepada masyarakat lain Malaysia kerana ia menyumbang kepada kemajuan negara dan kestabilan yang penting ke arah pembinaan negara.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata amat wajar bagi Dr Mahathir untuk menjelaskan pelbagai nilai-nilai dalam sistem yang ada kaitan dengan demokrasi.

"Kita tidak harus membuta tuli meniru nilai-nilai lain kerana Malaysia mampu membina nilainya sendiri berhubung isu-isu seperti demokrasi, hak asasi manusia dan alam sekitar," katanya.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata teras ucapan Dr Mahathir mengenai demokrasi akan menjadi bahan bicara rakyat Malaysia pada tahun-tahun akan datang.

Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata ucapan presiden menyentuh pelbagai sudut -- sejarah, baik buruk, kegagalan dan kejayaan -- dan bagaimana orang Melayu harus menggunakan demokrasi untuk membawa kemajuan dan faedah kepada negara.

"Ucapan Presiden mempunyai olahan yang begitu mendalam bertujuan mencetuskan pemikiran bagi mendapatkan pengertian demokrasi dan kebaikannya kepada Melayu dan seluruh rakyat negara ini," katanya.

Tan Sri Muhyiddin Yassin, seorang lagi Naib Presiden Umno, berkata ucapan dasar Dr Mahathir amat penting bagi anggota parti menggariskan haluan, bentuk dan corak pentadbiran politik UMNO pada masa akan datang.

Beliau berkata masyarakat pelbagai kaum di negara ini harus faham dan tahu peranan serta tanggungjawab masing-masing.

"Bukan setakat untuk mempertahankan sistem yang ada tetapi memastikan sistem demokrasi sentiasa segar dan berperanan untuk membangunkan sosio ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebagai negara cemerlang," katanya.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata ucapan Dr Mahathir merupakan satu tesis yang ilmiah mengenai konsep pendemokrasian.

"Ucapan Perdana Menteri memberi satu sumbangan besar kepada peningkatan kefahaman politik Malaysia, politik dalam Umno dan bagaimana kita boleh memastikan model yang kita pilih itu tidak akan diselewengkan," katanya.

Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Hajah Aishah Ghani berkata ucapan Presiden UMNO bertujuan mengingatkan anggota parti serta

menyedarkan mereka mengenai asal usul perjuangan Melayu dan jasa parti meninggikan martabat bangsa Melayu.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam berkata ucapan Perdana Menteri itu pasti dilakukan setelah penelitian mendalam mengenai masalah politik negara terutama dalam hal demokrasi.

"Perdana Menteri berucap berasaskan pengalaman dan pandangan dari segi apa yang harus dianuti dan diikuti oleh anggota UMNO," katanya.

Beliau berharap ucapan bernas Dr Mahathir dijadikan sebagai asas perbahasan dan perbincangan yang mendalam kerana ia perlu bagi menentukan perjuangan UMNO terus hidup.

Tokoh veteran UMNO, Tengku Ahmad Rithaudeen berkata semua rakyat Malaysia perlu bersatu dan mengekalkan perpaduan demi kekuatan negara dalam pelbagai bidang khusus politik dan ekonomi. -- Bernama

TEAM AHH